

AKTIVITI gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran kampung diadakan seawal pukul 8 pagi lagi.



USAHA murni mahasiswa UPM menganjurkan program Eksplorasi Budaya Orang Asli telah membantu meringankan beban penduduk Kampung Kuala Pangsoon, Hulu Langat, Selangor.



MAHASISWA UPM tidak kekok ketika membantu membersihkan kawasan sekitar pada aktiviti gotong-royong tersebut.



ANTARA barang keperluan asas yang diberikan adalah beras, tepung dan gula.



PENGAGIHAN barang keperluan asas kepada warga emas, ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU).

KANAK-KANAK Orang Asli begitu gembira menerima kehadiran mahasiswa UPM ke kampung mereka.

Mahasiswa UPM selami kehidupan masyarakat Orang Asli

MASYARAKAT Orang Asli merupakan satu kumpulan minoriti yang wujud di Malaysia. Kewujudan mereka di negara ini sudah lama diakui apabila banyak bukti-bukti yang menunjukkan mereka adalah komuniti yang sudah lama menduduki Tanah Melayu.

Malaysia diberi tanggungjawab untuk mengurus tanah adat, kemajuan, kebajikan dan hal ehwal Orang Asli di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).

Secara rasmi, terdapat sekurang-kurangnya 18 suku daripada etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Bagi merapatkan lagi jurang perhubungan serta budaya antara komuniti Orang Asli, sekumpulan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Eksplorasi Budaya Orang Asli pada 1

dan 2 Disember 2018.

Program berkenaan dilaksanakan oleh 59 orang pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit, Bakti Siswa Kumpulan 31 dan 32 UPM bersama 200 orang komuniti Orang Asli di Kampung Kuala Pangsoon, Hulu Langat, Selangor.

Keprihatinan

Pengarah Program Eksplorasi Budaya Orang Asli,

RENTAK
kampus

I. Tirthakara, 21, berkata, antara aktiviti yang dijalankan sepanjang dua hari program berlangsung termasuklah gotong-royong

pembahagian keperluan asas, malam kebudayaan, sukaneka rakyat dan aktiviti cabutan bertuah.

"Menerusi aktiviti-aktiviti ini, saya dapat melihat masyarakat Orang Asli memerlukan sokongan dan bantuan daripada orang ramai terutamanya daripada segi

pendidikan dan keperluan asas hidup.

"Mereka kelihatan amat gembira dan mengalu-alukan kedatangan kami. Kanak-kanak di sini dilihat paling seronok apabila dapat bergaul dan berjumpa dengan orang luar," katanya ketika dihubungi *GenK* baru-baru ini.

Tambahnya, walaupun kehadiran pelajar-pelajar ke kampung itu sekadar mahu meringankan beban penduduk Kampung Kuala Pangsoon, namun mereka percaya dengan adanya aktiviti sukarelawan berkenaan, ia dapat membuka mata mahasiswa supaya memberi bantuan secara bertertusan.

"Saya sendiri baharu menghayati dan menilai sikap sukarelawan yang dalam diri saya. Inilah masanya untuk saya mencurahkan bakti kepada masyarakat sekali gus mengeratkan hubungan



NOR SHAERAH

TIRTHAKARA

perpaduan dengan penduduk kampung Orang Asli di Kuala Pangsoon.

"Saya juga memahami bahawa terdapat juga beberapa golongan komuniti tidak membangun dan memerlukan keprihatinan daripada masyarakat Malaysia. Oleh itu, saya berharap setiap rakyat akan menyertai aktiviti sukarelawan seperti ini," tuturnya.

Pengalaman

Sementara itu, Tok Batin Kampung Orang Asli Kuala Pangsoon, Andak Pendek berkata, program tersebut dilihat dapat merapatkan jurang perbezaan hubungan dan komunikasi antara mahasiswa UPM dan komuniti Orang Asli.

"Kehadiran mahasiswa UPM ke Kampung Kuala Pangsoon telah memberikan pengalaman manis kepada seluruh penduduk kampung yang menyertai program selama dua hari ini.

"Layanan yang diberikan oleh mahasiswa sangat

disenangi oleh kanak-kanak dan penduduk kampung sepanjang program berlangsung," jelasnya.

Andak menambah, usaha murni mahasiswa UPM yang telah bersatu tenaga dalam merapatkan jurang perbezaan budaya yang berbeza sekali gus dapat menarik minat golongan belia untuk sentiasa menyertai program yang berbentuk khidmat komuniti seperti itu.

Dalam pada itu, aktiviti gotong-royong bersama penduduk kampung Orang Asli turut dibantu oleh golongan dewasa dan kanak-kanak yang tinggal di kawasan berhampiran. Mereka bersama-sama melakukan pengagihan barang keperluan asas kepada warga emas, ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU).

Penasihat Program Eksplorasi Budaya Orang Asli, Nor Shaerah Abd. Rasid, 27, pula berkata, program berbentuk khidmat komuniti seperti itu dilihat mampu untuk membina jati diri sekali gus mengasah kemahiran irisaniah mahasiswa UPM.

"Menerusi program sebegini, pelajar dapat mengenali dan memahami dengan lebih dekat tentang corak kehidupan masyarakat Orang Asli seterusnya menyemai bakti dalam menghulurkan sumbangan supaya dapat meringankan beban kehidupan seharian komuniti terbabit.

"Aktiviti yang dijalankan juga merupakan cetusan idea dan usaha daripada pelajar sendiri untuk merapatkan jurang sosiologi antara masyarakat Orang Asli dan mahasiswa UPM. Semuanya mempunyai nilai, ciri-ciri unik dan tersendiri," ujarnya.



BAGI merapatkan lagi jurang perhubungan serta budaya antara komuniti Orang Asli, sekumpulan mahasiswa UPM menganjurkan program Eksplorasi Budaya Orang Asli pada 1 dan 2 Disember 2018.